

**PETANDA  
POSITIF:**  
Perangkaan petanda satu perkembangan baik, kata Dr Maliki (*gambar*) sambil menambah ia juga menunjukkan masyarakat benar-benar ingin mempertingkatkan kemahiran mereka.  
– Foto fail



## Sekitar 83,000 Melayu usia 25 tahun dan ke atas sudah memanfaatkan Kredit SkillsFuture: Maliki

SEKITAR 25 peratus atau 83,000 anggota masyarakat Melayu berusia 25 tahun dan ke atas telah menggunakan Kredit SkillsFuture mereka sejak program itu diperkenalkan pada 2015, kata Menteri Kedua (Pendidikan merangkap Ehwal Luar), Dr Mohamad Maliki Osman.

Mengongsi perangkaan itu semasa ucapannya dalam Dialog Dasar Mendaki-Institut Pengajian Dasar (IPS) 2020 tahunan yang diadakan menerusi Zoom kelmarin, beliau berkata kebanyakan anggota masyarakat mengambil kursus dalam bidang seperti makanan dan minuman (F&B), infokom serta keselamatan dan siasatan.

Dr Maliki berkata perangkaan itu

merupakan satu perkembangan baik dan menunjukkan masyarakat benar-benar ingin mempertingkatkan kemahiran mereka.

Beliau berharap lebih ramai lagi anggota masyarakat akan menganggap ini adalah salah satu langkah selanjutnya untuk mereka mempertingkatkan keupayaan mereka bagi mendapatkan pekerjaan atau kemahiran baru.

“Yang penting ialah mesej kita ajukan pada hari ini – pembelajaran sepanjang hayat adalah sesuatu yang ingin kita cuba terapkan dalam naluri setiap anggota masyarakat kita kerana ia merupakan salah satu aspek yang akan dapat menjamin masa depan yang lebih baik.

“Bukan saja untuk anak-anak muda kita tetapi juga para pekerja dewasa kita, para pekerja mapan kita, yang mungkin hari ini merasa risau, kekhawatiran kerana keadaan Covid-19 misalnya, di mana pekerjaan mereka kurang stabil,” kata beliau.

Dr Maliki menambah bahawa bidang kursus yang diikuti anggota masyarakat, seperti infokom dan keselamatan, merupakan industri baru yang menunjukkan perkembangan positif yang akan membuka peluang untuk mereka mendapatkan pekerjaan baru dalam industri tersebut.

“Kesedaran sudah mula wujud di kalangan anggota masyarakat kita bahawa inilah kursus-kursus yang mem-

bawa kepada peluang pekerjaan baru di industri-industri baru seperti infokom, seperti keselamatan.

“Selain daripada Kredit SkillsFuture, kita juga sudah pun melihat ramai di antara mereka berkecimpung dalam SGUnited Skills di mana ia adalah kursus ataupun rancangan yang pemerintah telah lakarkan untuk membantu mereka yang mungkin kehilangan pekerjaan ketika ini mendapatkan pekerjaan ataupun latihan menerusi kemahiran baru dan akan diberi elaun semasa mereka mengikuti kursus tersebut.

“Saya rasa mesej hari ini ialah peluang sedia ada dan kami harap mereka akan memanfaatkan peluang yang sedia ada ini,” kata beliau.